

17/06/1999

29 wakil kelab Umno luar negara hadir dialog

KUALA LUMPUR, Rabu - Seramai 29 wakil kelab Umno luar negara yang akan menghadiri Perhimpunan Agung Umno, Jumaat ini, berikrar akan memberi penjelasan kepada pelajar Malaysia di seberang laut, yang masih keliru dengan kemelut politik baru-baru ini.

Wakilnya, Mohd Nadzir Musa dari Kelab Umno United Kingdom & Eire, berkata semua 29 wakil kelab Umno luar negara yang hadir dalam dialog bersama Pemangku Ketua Pemuda Umno, Datuk Hishammuddin Hussein, mendapat pemahaman lebih jelas mengenai senario politik negara.

"Kami kini menyedari hakikat sebenar senario politik negara dan yakin dengan kepemimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Umno yang menjadi teras kepada perpaduan Melayu.

"Kami sedar kami adalah pelajar yang diamanahkan untuk menimba ilmu. Kami bersyukur dan berterima kasih kepada seluruh rakyat Malaysia dan tidak akan membelakangkan parti Umno yang telah menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang cukup selesa dan makmur.

"Kami berjanji akan menimba ilmu secara bersungguh-sungguh untuk menaikkan imej negara di luar negeri," katanya kepada pemberita selepas pertemuan dengan Hishammuddin dan ahli Exco Pemuda, di Pusat Dagangan Dunia Putra, hari ini.

Sejumlah 18 kelab Umno luar negara menghantar wakil menghadiri perhimpunan yang akan bermula esok, antaranya ialah dari Michigan, Kaherah, Chicago, Pakistan, Indonesia, Jepun, Boston, Auckland, Ireland, Melbourne dan Jordan.

Hishammuddin dalam pertemuan itu, menyampaikan amanat Presiden yang meminta ahli Umno supaya mendekati diri dengan golongan yang mudah terpengaruh atau diperalatkan oleh pihak anti-kerajaan.

Menurutnya, langkah seumpama itu adalah cara terbaik untuk menjelaskan perkara sebenar kepada mereka yang mungkin terkeliru dan tidak mendapat gambaran jelas mengenai perjuangan Umno dan pendirian pucuk pimpinan.

"Saya telah meminta kerjasama daripada wakil-wakil kelab Umno di seberang laut untuk bersama-sama pucuk pimpinan parti dalam menjelaskan kepada ahli di kalangan kelompok pelajar di tempat masing-masing, berhubung isu yang dibangkitkan pembangkang di negara ini," katanya.

Sementara itu, Setiausaha Kerja Pemuda, Zulkifli Alwi, berkata kedua-dua pihak bersetuju untuk mengadakan kerjasama lebih erat dalam usaha menangkis pelbagai tohmahan pelbagai pihak terhadap kerajaan Barisan Nasional.

"Sebagai langkah pertama, Hishammuddin akan mengadakan lawatan pertama ke kelab pelajar di United Kingdom dan Ireland, selepas perhimpunan agung Umno ini selesai.

"Di samping itu, majlis Exco Pemuda juga dijangka mengagihkan tugas kepada ahli-ahlinya untuk ke luar negara bagi merapatkan hubungan Pemuda dengan pelajar yang bakal menjadi pelapis pemimpin pada alaf akan datang," katanya.

(END)